

BULETIN KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR



[EDARAN DALAMAN SAHAJA]

BIL. 05/02

26 OGOS 2002

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)


KANDUNGAN

- KUIM menganjurkan Persidangan Antarabangsa
- Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUIM di Negeri Sembilan
- Peristiwa

Diterbitkan oleh Unit Perhubungan Awam, Kolej Universiti Islam Malaysia, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur

*Tel: 03-42892094/2138
Faks: 03-42892153*

PERSIDANGAN ANTARABANGSA ANJURAN KUIM



Para peserta persidangan sedang mendengar pembentangan kertas kerja.

SERI KEMBANGAN - KUIM dengan jayanya telah mengadakan satu Persidangan Antarabangsa yang bertemakan "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Dunia"- Isu dan Cabaran Dalam Era Globalisasi yang telah diadakan pada 29-30 Julai 2002 di Palace Of the Golden Horses, Seri Kembangan. Persidangan Antarabangsa tersebut diadakan adalah selaras dengan matlamat KUIM untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dan penerbitan bertaraf antarabangsa dalam bidang keislaman dan sebagai satu wadah bagi membina persefahaman dan hubungan kerjasama antara pusat-pusat pengajian tinggi dunia.

Objektif penganjuran persidangan tersebut adalah untuk mengenali lebih dekat sistem pengajian Islam di universiti-universiti dunia melalui proses pertukaran maklumat dan perbincangan; menilisi dan menilai permasalahan serta cabaran yang dihadapi oleh para cendekiawan dalam bidang pengajian Islam; mengkaji perkembangan terkini ilmu-ilmu moden; masalah sosio-ekonomi, kebudayaan dan politik semasa serta implikasinya terhadap kecemerlangan bidang pengajian Islam; mengenal pasti peranan, hala tuju serta prospek pengajian Islam pada masa hadapan serta mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi dalam pengajian Islam masa kini.

Ia telah dirasmikan oleh Y.B. Dr. Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Sumber Manusia mewakili Timbalan Perdana Menteri Malaysia manakala penutupnya disempurnakan oleh Y.B. Brig. Jen (B) Datuk Abdul Hamid Haji Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi dalam dan peringkat antarabangsa, ahli-ahli akademik serta korporat, pelajar-pelajar, individu-individu dari dalam dan luar negara.

UPACARA PECAH TANAH KAMPUS TETAP KUIM DI NEGERI SEMBILAN



Pengerusi KUIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor sedang menerangkan kawasan kampus tetap kepada Y.A.B Perdana Menteri. – Gambar oleh Djohan Shahrin.

22 Ogos – Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan dengan rasminya telah menjadi kampus tetap KUIM setelah Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap telah dilangsungkan pada hari tersebut dengan disempurnakan oleh Y.A.B Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Bandar Baru Nilai telah dipilih sebagai kampus tetap KUIM kerana ianya

terletak dalam lingkungan Multimedia Super Corridor (MSC) dan lingkaran lebuh raya Utara Selatan dan Elite Highway. Kampus seluas 471.8 ekar ini dijangka siap pada tahun 2004 dan ianya dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dalam prasarana moden yang selesa untuk pembelajaran dan aktiviti para pelajar khususnya.

PERISTIWA

Julai	Ogos
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Lawatan dari Al-Maktoum Institute For Islamic and Arabic Study, United Kingdom. - 24 Julai 2002. ➤ Majlis Perasmian Projek Kemahiran ICT 2002 dan Kemudahan makmal. ➤ Lawatan KUIM bersama pembentang kertas kerja Persidangan Antarabangsa ke HUKM dan Kementerian Pendidikan. - 31 Julai 2002. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelancaran Tabung Afghanistan. ➤ Kursus Etiket dan Protokol di Hotel Dynasty. ➤ Sidang Media Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap di Hotel Nikko. – 14 Ogos 2002. ➤ Perasmian Mahkamah “Moot”, Fakulti Syariah dan Kehakiman. – 24 Ogos 2002 ➤ Kursus Induksi Kumpulan Sokongan 2 ➤ Penyertaan KUIM dalam Pameran Pendidikan Undang-Undang di UIAM. – 27-30 Ogos 2002.